

No. Rujukan: MKL.200-7/4/5 Jld. 9 (20)

Tarikh: 10 Jun 2022

YA-YA/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

HEBAHAN PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Niat Suci Sdn Bhd selaku Pengurus Fasilitas Bangunan MKL (FM) akan melaksanakan kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Kawalan Bangunan Berpusat (BAS) di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Dalam perkara ini, kerja-kerja menaiktaraf tersebut akan melibatkan **gangguan bekalan elektrik** di seluruh bangunan KMKL seperti ketetapan berikut:

Tarikh / Masa Mula:	10 Jun 2022 (Jumaat) / 6.00 petang
Tarikh / Masa Tamat:	12 Jun 2022 (Ahad) / 2.00 pagi
Kerja-kerja / Punca Gangguan Bekalan Elektrik:	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Kawalan Bangunan Berpusat (BAS) di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur
Lokasi yang terlibat:	Seluruh Bangunan MKL; dan Bangunan Taska MKL

Pegawai yang boleh dihubungi	Unit Pembangunan dan Senggara: No. Ext.: 03-6209 4664 Niat Suci Sdn Bhd: No. Ext.: 03-6209 4838
-------------------------------------	--

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak YA-YA/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk **memastikan semua peralatan elektrik di ruang kerja masing-masing ditutup** bagi mengelakkan sebarang kerosakan semasa dan selepas kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan.

4. Segala kesulitan amatlah dikesali. Sekian untuk makluman YA-YA/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Unit Pembangunan & Senggara
Bahagian Pengurusan
b.p. Pengarah
Mahkamah Kuala Lumpur